

- Mohamed Rashid Navi Bax, M. N. (2003). *lifelong learning in malaysia*. international policy seminar by IIEP, UNESCO and KRIVET.
- Mohd Fathi Adnan, A. A. (2013). Impak Kursus UTM dan Khidmat Komuniti Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Universiti Teknologi Malaysia. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE)* (pp. 406-410). Johor Bharu: UTM.
- Mohd Yusof Husain, S. B. (2010). Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Politeknik Sultan Azlan Shah. *The Regional Seminar on Sciences, Technology and Social Sciences*, 73-85.
- Norani Mohd Noor, N. B. (2008). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Kokurikulum di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM.
- Norzilawati Mohd Noor, M. S. (2008). Kemahiran generik di kalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Tahap Keyakinan Merentas Jantina. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*.
- Osman, G. b. (2013). Memperkasa Modal Insan Melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kole Komuniti.
- Ramlee Mustapha, M. Y. (2011). Kemahiran 'Employability' Dari Perspektif Pelajar kejuruteraan. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam pendidikan dan latihan Teknik dan vokasional (CIE-TVT)*.
- Rodiah Idris, S. R. (2009). Pengaruh Kemahiran Generik Dalam Kemahiran Pemikiran Kritis, Penyelesaian Masalah dan Komunikasi pelajar Universiti kebangsaan malaysia (UKM). *MJLI VOL. 6*, 103-140.
- Sarimah Kamrin, S. N. (2008). Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Jilid 13*, 58-72.
- Sayed Mahussain Sayed Ahmad, F. M. (2009). Kemahiran Berkomunikasi Berkesan dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam).
- Sharifah Hana Abd Rahman, Z. Y. (2015). Faktor-faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri di Institut Pengajian Tinggi (IPTY): Satu Sorotan. *E-Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCASiC2015*, (pp. 619-627). Kuala Lumpur.
- Shazaitul Azreen Rodzalan, M. M. (2012). The Effects of Industrial Training on Student' Generic Skills Development. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education (ICTLHE 2012) in conjunction with RCEE & RHED 2012* (pp. 357-368). Skudai, Johor: Elsevier.
- Siti Rahayah Ariffin, R. A. (2012). Kemahiran Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah Pelajar-pelajar Sains di Malaysia.
- Watin, W. (2010). *Pelaksanaan Program Pembelajaran Berasaskan Kerja di Kolej Komuniti Bukit Beruang: Satu Kajian Kes*. Parit Raja: UTHM.
- Yin, K. Y. (2008). *Keberkesanan Kaedah Penyelesaian Masalah Secara Kolaboratif dalam Kalangan Pelajar Ekonomi Tingkatan Enam*.
- Zulkifli Mansor, H. G. (2010). Pelaksanaan dan Penilaian Kemahiran Insaniah dalam Matapelajaran AS101 (Softskills) di Politeknik.

KECENDERONGAN PEMILIHAN KERJAYA SEBAGAI USAHAWAN DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN SESI JUN 2015 DI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA.

Suzana Binti Baharudin¹, Hamidah Binti Abd Latif² Raman Bin Ibrahim³

¹Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

²Jabatan Perdagangan,
Politeknik Merlimau, Melaka

³Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Politeknik Merlimau, Melaka

suzana@pmm.edu.my, hamidah@pmm.edu.my, raman@pmm.edu.my

Abstrak

Kemahiran keusahawanan merupakan titik tambah kepada pelajar dalam membentuk masa depan mereka. Pendidikan dan pembangunan keusahawanan politeknik yang holistik amat signifikan dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengkaji kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan Sesi Jun 2015 di Politeknik Merlimau Melaka. Secara khususnya kajian ini akan menyelidik adakah faktor pengajian, ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar atau faktor keluarga mempengaruhi kecenderungan pelajar. Soalselidik dengan skala Likert 5 markat telah diedarkan kepada 54 orang responden. Data ini diproses dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 20.0*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pengajian dan ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar mempunyai skor min purata yang tinggi iaitu 4.08 dan 4.07 tetapi faktor keluarga berada di tahap sederhana iaitu 3.76. Dapatan kajian ini menunjukkan faktor pengajian telah mendorong responden untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Ini di sokong juga dengan ciri-ciri peribadi dan sikap positif responden yang berminat untuk menceburi bidang ini. Walaubagaimanapun faktor keluarga masih perlu di beri perhatian agar usaha melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan pelajar politeknik dapat direalisasikan. Secara tidak langsung hasil kajian membuktikan bahawa responden berkecenderungan menjadikan usahawan sebagai kerjaya pilihan selepas tamat pengajian kelak. Oleh yang demikian hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memperkasakan bidang keusahawanan di kalangan pelajar akan dapat direalisasikan dengan baik.

Katakunci: Kerjaya sebagai usahawan, pelajar semester akhir, Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Merlimau

1.0 Pengenalan

Bidang keusahawanan adalah salah satu bidang yang amat penting dalam menjana ekonomi negara. Kini kemahiran keusahawanan merupakan titik tambah kepada pelajar dalam membentuk masa depan mereka. Ini selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara di mana halatuju transformasi politeknik mempunyai matlamat untuk menerajui bidang tujahan dan teknologi tertentu bagi menghasilkan siswazah berkualiti yang berdaya usahawan, berkebolehpasaran tinggi dan berdaya saing. Pendidikan dan pembangunan keusahawanan politeknik yang holistik amat signifikan dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan di politeknik untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan yang akan bertindak sebagai pemangkin dan penggerak kepada transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi ke arah pencapaian status negara maju menjelang tahun 2020.

Kementerian Pendidikan Tinggi menerusi Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC) memperkenalkan Pelan Strategik dan Tindakan dalam usaha memperkasa bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar politeknik di seluruh negara. Melalui pelan tersebut akan memberikan pendedahan dan memupuk budaya usahawan dalam kalangan pelajar politeknik agar mereka menjadikan bidang berkenaan sebagai pilihan setelah tamat pengajian kelak. Menerusi pelan ini juga pelajar yang terlibat akan di dedahkan dengan program berimpak tinggi agar usahawan yang dilahirkan mampu berdaya saing sebaik mungkin.

Berdasarkan kepada senario tersebut, kajian ini dilaksanakan untuk melihat kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan Sesi Jun 2015 Jabatan Perdagangan di Politeknik Merlimau.

Objektif Kajian

- 1) Mengenalpasti sejauhmanakah faktor pengajian mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya sebagai usahawan.
- 2) Mengenalpasti sejauhmanakah ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya sebagai usahawan.
- 3) Mengenalpasti sejauhmanakah faktor keluarga mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya sebagai usahawan.

2.0 Sorotan Kajian

Usahawan adalah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan. Menurut Aziz dan Zakaria (2004), seseorang individu itu tidak dilahirkan sebagai usahawan dan ciri-ciri keusahawanan ini tidak boleh diwarisi. Seseorang itu boleh menjadi usahawan bila mereka melalui sendiri pelbagai proses yang ada dalam pembangunan usahawan. Untuk menjadi usahawan, seseorang itu memerlukan minat dan kemahiran dalam bidang yang hendak di ceburi.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Carter & Collinson (1999), institut pengajian tinggi memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan keusahawanan yang berbentuk formal dalam menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar. Walaubagaimanapun Sarebah (2010) yang menjalankan kajian terhadap penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar politeknik menyatakan bahawa kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan dan penerapan kemahiran keusahawanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara keseluruhannya adalah sederhana.

Norfadhillah (2010), pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mempunyai ciri tahap keusahawanan yang tinggi dan menunjukkan sikap positif terhadap kerjaya usahawan. Hasil kajian

beliau menunjukkan bahawa antara faktor yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya keusahawanan adalah orientasi keuntungan dan keinginan untuk mendapat kecemerlangan hidup. Sementara itu Azilahwati (2011) menerusi kajian di Kolej Komuniti Jasin mendapati bahawa pelajar semester akhir menunjukkan aspirasi dan minat yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Sumber dorongan yang menarik bagi pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan adalah untuk menyara keluarga selain dari membuat kebajikan dan menawarkan khidmat kepada masyarakat

Menurut Mohammed Amin (2001), semua usahawan perlu mengamalkan dan menghayati ciri-ciri usahawan sebagai pegangan, pandangan dan perjuangan pada masa hadapan. Ciri-ciri usahawan yang di maksudkan di sini ialah bekerja kuat, optimis, mempunyai budaya kerja yang baik, bermotivasi, berkeupayaan mengorganisasikan idea-idea, bertanggungjawab, berorientasikan pada keuntungan dan berkualiti. Sementara itu peranan ibu bapa dan keluarga juga amat penting untuk menggalakan anak-anak mereka menceburi sesuatu bidang kerjaya.

Politeknik Malaysia membuktikan bahawa pelajar-pelajarnya bukan sahaja menjadi rebutan majikan sektor kerajaan atau swasta malah mereka juga cemerlang dalam bidang perniagaan. Menurut Ku Ahmad Izzat (2015), beliau merupakan seorang daripada pelajar yang mendapat pendidikan awal di politeknik yang banyak mendapat pendedahan dalam keusahawanan. Di politeknik mereka telah di latih bukan sahaja dalam akademik semata-mata tetapi di beri penekanan untuk terlibat dalam bidang perniagaan. Didikan dan tunjuk ajar pensyarah banyak membantu beliau sehingga berjaya membuka dua syarikat.

3.0 Metodologi

Dalam bab ini, penyelidik membincangkan mengenai kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian yang dijalankan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu penyelidikan yang berbentuk deskriptif. Pendekatan diguna pakai bagi mendapatkan data yang diperlukan melalui instrumen kajian iaitu soal selidik. Melalui kaedah ini, ianya dapat memudahkan pengkaji untuk mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data yang diperolehi. Semasa menjalankan kajian, pengkaji menggunakan borang soal selidik dengan harapan dapat mengumpulkan maklumat dengan cepat dan mendapat gambaran yang mendalam tentang permasalahan kajian. Responden hanya perlu menyatakan keadaan sebenar berpandukan soalan yang disediakan.

3.2 Sumber Data

Populasi bagi kajian ini terdiri dari semua pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan Sesi Jun 2015 Jabatan Perdagangan Politeknik Merlimau. Oleh kerana jumlah populasi adalah kecil bilangannya penyelidik mengambil saiz populasi sebagai sampel kajian. Seramai 54 orang responden telah dijadikan sampel kajian. Instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data dari sampel ialah melalui soal selidik

3.3 Alat Kajian dan Tatacara Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan soal selidik untuk tujuan mengumpulkan data kuantitatif responden. Instrumen berbentuk soal selidik mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk dianalisis. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian I mengumpul maklumat responden dan Bahagian II mengumpul maklumat tentang kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya sebagai usahawan di mana sebanyak 27 soalan telah dikemukakan kepada responden. Responden akan menjawab dengan menggunakan 5 Skala Likert (Jadual 1).

Jadual 1 : Markah, Skala Likert Dan Pernyataan

Markah	1	2	3	4	5
Skala Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju

Sebelum kajian sebenar dibuat, satu kajian rintis telah dijalankan terhadap soal selidik yang disediakan. Kajian ini adalah bertujuan menentukan kebolehpercayaan soalan-soalan yang dikemukakan di samping memperbetulkan mana-mana kesalahan yang terdapat dalam soalan tersebut.

Bagi tujuan ini seramai 20 orang responden telah dijadikan sampel. Merujuk kepada Mohd Salleh dan Zainuddin (2003), mereka menyatakan sekiranya nilai α atau pekali kebolehpercayaan kurang daripada 0.6 maka bolehlah dianggap instrumen yang digunakan di dalam kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah. Oleh yang demikian, rombakan perlu dilakukan pada instrumen sehingga pekali kebolehpercayaan mencapai sekurang-kurangnya nilai 0.75.

Menurut Mohd Majid Konting (2000), kajian rintis perlu dijalankan untuk menilai kebolehpercayaan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar kerana memberi darjah ketekalan dan ketepatan instrumen pengukuran. Di dalam kajian ini kebolehpercayaan soal selidik atau nilai α yang diperolehi adalah 0.908. Ini membuktikan bahawa soalan-soal selidik dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), kebolehpercayaan yang tinggi mempunyai nilai α melebihi 0.80.

3.4 Kajian Sebenar

Kajian sebenar dijalankan pada bulan Ogos 2015 dan peserta kajian terdiri daripada pelajar semester akhir Diploma Pengajian Perniagaan, Jabatan Perdagangan di Politeknik Merlimau. Penyelidik memperuntukkan tempoh yang bersesuaian untuk menjawab kesemua item yang dikemukakan. Kelonggaran masa turut dipertimbangkan supaya peserta dapat menjawab dengan selesa dan tenang.

3.5 Analisis Data

Data ini di analisis dengan menggunakan perisian komputer SPSS (*Statistical Package for the Social Science for Microsoft Windows Release 20.0*). Menurut Zulkarnain & Hishamudin, (2003) SPSS menjadikan pilihan ramai penyelidik memandangkan operasinya yang mudah digunakan untuk menyediakan analisis statistik yang bersesuaian dengan keperluan penyelidik dalam sains sosial.

Selain itu, penyelidik menggunakan pengiraan skor min, nilai kekerapan dan peratusan bagi menganalisis data yang dikumpul. Menurut Uma (1992), pengiraan kecenderungan memusat termasuklah min, medium, mod dan pengiraan serakan adalah sisihan piawai dan varian. Proses pengiraan yang dilakukan juga telah menghasilkan nilai min bagi sesuatu kumpulan responden berkait sesuatu aspek yang dikaji. Jika nilai min berada di antara 1 hingga 2.40, bermakna tahap kecenderungan pelajar terhadap kerjaya sebagai usahawan berada pada tahap yang sangat lemah. Jika nilai minnya pula berada diantara 2.41 hingga 3.80, tahap kecenderungan adalah sederhana. Manakala jika nilai minnya berada di antara 3.81 hingga 5, kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan dianggap mempunyai tahap yang tinggi.

Jadual 2 : Tahap Pengukuran Min

Pernyataan	Keputusan
Lemah	1.00 - 2.40
Sederhana	2.41 - 3.80
Tinggi	3.81 - 5.00

(Adaptasi daripada Landell, 1997 dalam Noor Suraini, 2000)


4.0 Keputusan Dan Perbincangan

Berikut adalah keputusan dan perbincangan hasil kajian

4.1 Analisis Latarbelakang Responden

Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 54 orang. Rajah 1 menunjukkan analisis latarbelakang responden berdasarkan jantina, tempat lahir, kaum dan umur.

Rajah 1 : Analisis Latarbelakang Responden



4.2 Analisis Faktor Pengajian

Hasil kajian (Jadual 3) menunjukkan pada keseluruhannya skor min bagi faktor pengajian adalah tinggi; 3.80 hingga 4.26. Nilai min purata adalah 4.08. Ini menunjukkan bahawa pada keseluruhannya faktor pengajian telah mendorong pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan setelah menamatkan pengajian. Item yang mendapat skor min yang paling tinggi adalah dari aspek pensyarah, dimana 32 orang responden (59.3%) bersetuju bahawa pensyarah yang mengajar keusahawanan sering bersedia memberi bimbingan tambahan kepada pelajar berkaitan keusahawanan. Walaubagaimanapun pihak politeknik perlu meningkatkan kemudahan dan prasarana berkaitan keusahawanan kerana skor min yang diperolehi berada di tahap yang sederhana iaitu 3.80.

Hasil dapatan kajian oleh Nooraini Othman (2009) yang bertajuk Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar Tahun 4 Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) menunjukkan faktor persekitaran paling mempengaruhi minat pelajar dalam bidang keusahawanan, diikuti dengan faktor kurikulum matapelajaran dan faktor galakan keluarga.

Jadual 3 : Analisis Min Bagi Faktor Pengajian

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1	Subjek keusahawanan yang ditawarkan di politeknik relevan dengan perkembangan semasa	0	0	6	33	15	4.17	Tinggi
		0%	0%	11.1%	61.1%	27.8%		
2	Subjek keusahawanan dapat merangsang minat saya untuk menjadi usahawan.	1	1	5	31	16	4.11	Tinggi
		1.9%	1.9%	9.3%	57.4%	29.6%		
3	Pensyarah sentiasa memberi galakan agar menceburi bidang keusahawanan	0	0	2	37	15	4.24	Tinggi
		0%	0%	3.7%	68.5%	27.8%		
4	Pensyarah keusahawanan sering bersedia memberi bimbingan tambahan kepada pelajar berkaitan keusahawanan	0	0	4	32	18	4.26	Tinggi
		0%	0%	7.4%	59.3%	33.3%		
5	Aktiviti-aktiviti keusahawanan yang dianjurkan di politeknik amat menyeronokkan	0	0	9	34	11	4.04	Tinggi
		0%	0%	16.7%	63.0%	20.4%		
6	Banyak peluang perniagaan telah di praktikkan semasa belajar di Politeknik	0	1	11	28	14	4.02	Tinggi
		0%	1.9%	20.4%	51.9%	25.9%		
7	Pelajar boleh menguasai kemahiran keusahawanan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang di adakan	0	1	2	42	9	4.09	Tinggi
		0%	1.9%	3.7%	77.8%	16.7%		
8	Berpeluang mempraktikkan kemahiran keusahawanan semasa penilaian kerja kursus di adakan	0	0	4	40	10	4.11	Tinggi
		0%	0%	7.4%	74.1%	18.5%		
9	Kemudahan dan prasarana berkaitan keusahawanan banyak di sediakan	0	2	14	31	7	3.80	Sederhana
		0%	3.7%	25.9%	57.4%	13.0%		

10	Ekosistem keusahawanan yang wujud di Politeknik merangsang kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan.	0	0	13	29	12	3.98	Tinggi
		0%	0%	24.1%	53.7%	22.2%		
Peratusan, Skor Min dan Tafsiran		0.2%	0.8%	13%	62%	24%	4.08	Tinggi

SKALA LIKERT

N=54

STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

4.3 Analisis Ciri-Ciri Peribadi Dan Sikap Pelajar.

Jadual 4 menunjukkan min skor bagi analisis ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar terhadap kecenderungan pemilihan kerjaya sebagai usahawan. Skor min purata yang diperolehi menunjukkan responden mempunyai sikap yang positif terhadap diri sendiri dan percaya bahawa bidang keusahawanan dapat menjamin masa depan di mana skor min yang di perolehi adalah 4.39. Secara keseluruhannya responden mempunyai minat yang mendalam untuk menceburi bidang ini, berani mengambil risiko, sentiasa berpandangan jauh, berfikir terbuka, kreatif dan inovatif. Di samping itu responden juga percaya peluang terbuka luas untuk memulakan perniagaan di mana skor min yang diperolehi adalah 4.15. Responden juga sering mengikuti perkembangan usahawan cemerlang yang ada di Malaysia.

Jadual 4 : Analisis Ciri-ciri Peribadi Dan Sikap Pelajar

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1	Mempunyai minat yang mendalam untuk menceburi kerjaya sebagai seorang usahawan	0	2	2	35	15	4.17	Tinggi
		0%	3.7%	3.7%	64.8%	27.8%		
2	Percaya bidang keusahawanan dapat menjamin masa depan	0	1	1	28	24	4.39	Tinggi
		0%	1.9%	1.9%	51.9%	44.4%		
3	Mempunyai tahap keyakinan yang tinggi di dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan	0	0	5	36	13	4.15	Tinggi
		0%	0%	9.3%	66.7%	24.1%		
4	Saya merupakan seorang yang berani mengambil risiko	0	1	8	37	8	3.96	Tinggi
		0%	1.9%	14.8%	68.5%	14.8%		
5	Saya sentiasa	0	0	6	37	11	4.09	Tinggi

	berpandangan jauh dan tidak mudah putus asa	0%	0%	11.1%	68.5 %	20.4 %		
6	Saya sentiasa berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif	0	1	5	37	11	4.07	Tinggi
		0%	1.9%	9.3%	68.5 %	20.4 %		
7	Telah menjalankan perniagaan kecil-kecilan semasa belajar di Politeknik	0	3	5	35	11	4.00	Tinggi
		0%	5.6%	9.3%	64.8 %	20.4 %		
8	Saya suka kepada bidang kerja yang mencabar	0	1	9	35	9	3.96	Tinggi
		0%	1.9%	16.7%	64.8 %	16.7 %		
9	Mempunyai kemahiran komunikasi yang baik	0	0	12	32	10	3.96	Tinggi
		0%	0%	22.2%	59.3 %	18.5 %		
10	Percaya peluang terbuka luas untuk memulakan perniagaan berbanding kerja “makan gaji”	0	0	8	30	16	4.15	Tinggi
		0%	0%	14.8%	55.6 %	29.6 %		
11	Sering mengikuti perkembangan usahawan cemerlang yang ada di Malaysia	2	1	7	34	10	3.91	Tinggi
		3.7%	1.9%	13.0%	63.0 %	18.5 %		
12	Suka berdikari dan tidak suka bekerja “makan gaji”	0	1	7	34	12	4.06	Tinggi
		0%	1.9%	13.0%	63.0 %	22.2 %		
Peratusan, Skor Min dan Tafsiran		0.3%	1.7%	12%	63%	23%	4.07	Tinggi

SKALA LIKERT

N=54

STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

4.4 Analisis Faktor Keluarga

Jadual 5 menunjukkan min skor bagi pembolehubah faktor keluarga ; adalah sederhana iaitu 3.76. Skor min yang tertinggi adalah item 1 dan 2; keluarga sering menggalakkan responden menceburi kerjaya sebagai usahawan dan ibubapa bersedia memberikan modal permulaan untuk menjalankan perniagaan. Berdasarkan kepada keputusan yang diperolehi faktor keluarga menunjukkan kurangnya sokongan kepada responden untuk menceburi kerjaya ini. Ini mungkin kerana kurangnya kesedaran di kalangan ibubapa mengenai kelebihan menceburi kerjaya sebagai usahawan.

Jadual 5 : Analisis Min Bagi Faktor Keluarga

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1	Keluarga sering menggalakan saya menceburi kerjaya sebagai usahawan	0	2	15	25	12	3.87	Tinggi
		0%	3.7%	27.8%	46.3%	22.2%		
2	Ibubapa bersedia memberikan modal permulaan untuk menjalankan perniagaan	1	2	15	22	14	3.85	Tinggi
		1.9%	3.7%	27.8%	40.7%	25.9%		
3	Berpotensi dan bersedia untuk mengambil alih perniagaan keluarga	1	3	21	22	7	3.57	Sederhana
		1.9%	5.6%	38.9%	40.7%	13.0%		
4	Sering membantu ibubapa menguruskan perniagaan keluarga	1	2	17	25	9	3.72	Sederhana
		1.9%	3.7%	31.5%	46.3%	16.7%		
5	Kejayaan keluarga di dalam bidang keusahawanan memotivasikan saya untuk menceburi bidang ini	1	2	17	21	13	3.80	Sederhana
		1.9%	3.7%	31.5%	38.9%	24.1%		
Peratusan, Skor Min dan Tafsiran		1.5%	4.1%	31.5%	42.6%	20.4%	3.76	Sederhana

SKALA LIKERT

N=54

STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

Analisis Purata Item Soalan Berdasarkan Kekerapan Peratusan Skala Likert

Jadual 6 dan Rajah 2 menunjukkan ringkasan bagi analisis item soalan berdasarkan kekerapan peratusan skala likert bagi ketiga-tiga objektif kajian.

Jadual 6 : Ringkasan Analisis Purata Item Soalan Berdasarkan Kekerapan Peratusan Skala Likert

OBJEKTIF KAJIAN/ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
	STS	TS	TP	S	SS		
Faktor Pengajian	0.2%	0.8%	13%	62%	24%	4.08	Tinggi
Ciri-ciri Peribadi Dan Sikap	0.3%	1.7%	12%	63%	23%	4.07	Tinggi


Pelajar							
Faktor Keluarga	1.5%	4.1%	31.5%	42.6%	20.4%	3.76	Sederhana

SKALA LIKERT

N=54

STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

Rajah 2 : Carta Analisis Purata Item Soalan Berdasarkan Kekerapan Peratusan Skala Likert



5.0 Kesimpulan

Purata min bagi ketiga-tiga persoalan kajian; di dapati bahawa faktor pengajian 4.08, faktor ciri-ciri peribadi dan sikap pelajar 4.07 dan faktor keluarga 3.76. Faktor pengajian memperoleh purata min yang tertinggi; menunjukkan bahawa politeknik telah berjaya melatih serta mempengaruhi responden untuk memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan. Penubuhan Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC) yang memperkenalkan Pelan Strategik dan Tindakan dalam usaha memperkasa bidang keusahawanan dalam kalangan pelajar politeknik di seluruh negara terbukti berjaya melonjakkan minat pelajar. MPEC juga telah menganjurkan *Polytechnic Entrepreneurship Awards (PEA)* untuk mengiktiraf kejayaan pelajar di 33 buah Politeknik Malaysia.

Sementara itu ciri-ciri peribadi serta sikap pelajar terhadap kerjaya usahawan ini juga ternyata semakin positif di mana sudah ramai usahawan lulusan politeknik berjaya dilahirkan. Walaubagaimanapun faktor keluarga masih perlu diberi perhatian. Pihak pengurusan politeknik perlu mengadakan lebih banyak aktiviti bersama komuniti agar mereka sedar dan faham tentang kepentingan menceburi bidang usahawan. Dengan adanya aktiviti sebegini dapat meyakinkan ibu bapa agar menyokong dan menggalakkan minat anak-anak bagi menceburi kerjaya usahawan.

Rujukan

- (n.d.). Retrieved from <http://ww1.utusan.com.my>
- Amin, M. (2001). *Keusahawanan sebagai kerjaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aripin, R. M. (2012). Kecenderungan kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar bumiputera di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan Pahang.
- Azilahwati Binti Adam, S. B. (2011). Aspirasi kerjaya sebagai usahawan di kalangan pelajar-pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin.
- Carter, S. &. (1999). Entrepreneurship Education; Alumni Perception of the Role of Higher Education Institution. *Journal of small business and enterprise development*, 6(3), 229-239.
- Harun, N. N. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11-17.
- Izzat usahawan kelahiran politeknik membuktikan graduan Politeknik Malaysia berjaya dalam bidang perniagaan. (2015).
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Najib, M. (1999). *Kajian berbentuk tinjauan*.
- Nooraini Othman, S. S. (2009). Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar 4SPH dalam bidang keusahawanan.
- Sarebah Warman, R. R. (2010). Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan*.
- Sekaran, U. (2002). *Research method for business - a skill building approach* (Vol. 4). Wiley.
- Yusof Bin Boon, S. (2010). Kesiediaan untuk menceburi bidang keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bumiputera tingkatan empat di tiga buah sekolah sekitar Skudai Johor.
- Zainuddin, M. S. (2003). *Nilai aplha atau pekali kebolehppercayaan*.
- Zakaria, A. Y. (2001). *Prinsip keusahawanan satu penilaian*. Pearson Prentice Hall.
- Zulkarnain, H. M. (2005). *Panduan mudah analisis data menggunakan SPSS Windows*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia Press.

KECERDASAN EMOSI DAN PERANAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI

¹Zarina Binti Samin, ¹Abd Rahim Bin Ma'sum, ¹Shahrul Hafiz Mohd Imran, Nor Azida Binti Mansor¹, Jamalluddin Bin Mohd Ali¹

¹Jabatan Kejuruteraan dan Kemahiran, Kolej Komuniti Ledang Johor

zarina@kklej.edu.my, rahim@kklej.edu.my, sahrul@kklej.edu.my, azida@kklej.edu.my, jamalluddin@kklej.edu.my,

ABSTRAK

Sejak kebelakangan ini kita dikejutkan dengan masalah lambakan graduan yang tidak mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian di universiti ataupun kolej. Kumpulan ini juga tidak memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Justeru, isu ini mencetuskan persoalan keberkesanan Falsafah Pendidikan Malaysia yang berpaksikan konsep melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Menurut Falsafah Pendidikan Negara kecerdasan emosi mewakili fikiran yang waras dan perasaan yang tenang. Emosi dan perasaan akan memainkan peranan dalam membentuk sikap dalam kehidupan dan menjadi elemen terpenting apabila individu ingin bergelar usahawan. Kertas konsep ini membincangkan, keperluan kecerdasan emosi dalam konteks pendidikan keusahawanan bagi memenuhi tuntutan negara dalam menyediakan rakyat Malaysia yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dan menguasai bidang keusahawanan selari dasar Model Ekonomi Baru yang bertujuan meningkatkan pendapatan perkapita negara menjelang tahun 2020. Kecerdasan emosi yang dibincangkan merangkumi kesedaran terhadap diri, keupayaan mengurus emosi diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial mengikut Model Kecerdasan Emosi Goleman yang telah diperkenalkan oleh Daniel Goleman pada tahun 1998. Kajian ini dapat membantu pihak pemberi pendidikan untuk menerapkan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan elemen kecerdasan emosi pelajar kerana kejayaan seseorang individu itu tidak bergantung kepada kecerdasan intelek semata-mata.

Kata Kunci: Kecerdasan emosi, keusahawanan, pendidikan keusahawanan